

61

NO. SOALAN: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD  
[MERSING]**

**TARIKH : 4 APR 2018**

**RUJUKAN : 10639**

**SOALAN :**

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Bin Ahmad [Mersing] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah benar wujud subversif ideologi komunis dan penjajahan baru melalui bidang ekonomi sebagaimana yang didakwa oleh pihak tertentu. Adakah kehadiran pelabur Republik Rakyat China akan berlakunya penjualan negara serta mengancam keselamatan negara.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Pelaburan Republik Rakyat China di Malaysia bukanlah satu bentuk ancaman terhadap keselamatan negara atau penjajahan baru atau penjualan negara. Sepanjang hubungan diplomatik di antara China dan Malaysia, tiada sebarang elemen subversif atau perkembangan ideologi komunis dibawa masuk ke negara ini oleh pelabur-pelabur atau pekerja-pekerja dari negara China.**

**Daripada segi ideologi komunis yang diamalkan oleh Republik Rakyat China (*People's Republic of China* – PRC) adalah terhadap kepada sistem politik dan pemerintahan negara tersebut sahaja dan tiada kena mengena dengan hubungan dua hala mereka dengan negara-negara lain termasuk Malaysia. Hubungan dua hala di antara Malaysia dan PRC adalah amat baik sama ada daripada segi politik, ekonomi mahupun perdagangan. Malah PRC merupakan antara rakan dagang yang penting dan terbesar bagi Malaysia.**

**Namun, seperti mana hubungan dua hala di antara Malaysia dengan negara-negara lain, isu keselamatan tetap dititik beratkan bagi mengelak sebarang kemungkinan yang boleh menggugat kedaulatan dan kepentingan strategik negara.**